



## UMP iktiraf sumbangan atlet cemerlang

Dua mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP), Mohamad Syahir Syahmi Hassan dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Laylatun Qadrina Amrizal dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati UMP pada Majlis Malam Penghargaan Sukan Dan Pemberian Insentif Kecemerlangan Sukan UMP 2014 yang berlangsung di Dewan Astraka UMP Kampus Gambang pada 19 Mac 2015 yang lalu.

Mereka dipilih sebagai penerima anugerah utama atas pencapaian cemerlang dan mengharumkan nama universiti dalam bidang sukan yang diceburi iaitu sukan petanque.

Bagi Mohamad Syahir, pencapaian yang diraih pasukan pentanque UMP sememangnya amat membanggakan. Pencapaian meraih pingat emas pada Kejohanan Majlis Sukan-sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2014 dan pingat perak dalam Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 selain menjadi penerima pingat gangsa pada Kejohanan Asean University Games 2014 di Palembang Disember yang lepas telah melayakkan beliau memenangi anugerah berkenaan.

Manakala bagi Laylatun yang cemerlang dalam sukan yang sama iaitu petanque melayakkan beliau dinobatkan sebagai atlet wanita yang layak meraih anugerah Olahragawati. Beliau merupakan pemenang pingat emas bagi acara itu dalam MASUM 2014, dan pingat emas di Kejohanan Petanque Masiswa-UNITEN.

Kedua-dua mereka menerima trofi dan sijil penghargaan manakala pasukan yang berjaya memperoleh kemenangan turut menerima trofi, sijil penghargaan dan replika cek.

Dalam pada itu, pasukan Bola Keranjang telah dinobatkan sebagai penerima anugerah Pasukan Terbaik, Ahmad Suhaimi Abd Rashid meraih anugerah Jurulatih Terbaik manakala Nurfazilah Amin Nordin diiktiraf sebagai Penyelaras Terbaik. Bagi Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Harapan masing-masing disandang Mohamad Syazwan Fauzi dan Nur Amirah Mohd Nasai.

Majlis penyampaian anugerah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin

Dalam ucapannya, Dato' Dr. Yuserrie berbangga dengan pencapaian UMP yang berjaya berada di tempat ke-4 daripada keseluruhan 20 Universiti Awam yang mengambil bahagian pada karnival Sukan MASUM 2014 yang baru sahaja selesai di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) awal bulan ini.

"Penglibatan pelajar dalam sukan berprestasi tinggi melatih pelajar mencapai matlamat universiti melahirkan graduan berketerampilan sekali gus berdaya saing dalam aspek akademik dan kokurikulum dan percaya graduan UMP adalah graduan yang terbaik yang UMP dapat hasilkan," katanya.

Tambah beliau, pihak universiti sentiasa menyokong usaha-usaha yang dilakukan pihak pusat sukan dalam membawa perubahan kepada pembangunan sukan dan prasarana sukan ini akan dipertingkatkan sejajar dengan perkembangan semasa sukan di universiti ini.

Sementara itu, bagi Kejohanan Sukan Antara Jabatan menyaksikan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) mengungguli kejohanan diikuti gabungan jabatan Pusat Kesihatan Pelajar, Pusat Sukan, Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa dan Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat.

Turut menang Bahagian Keselamatan, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta dan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA). Hadir sama dalam majlis Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie dan Ketua Pusat Sukan, Mohd. Aznorizamin Ismail.